

# Memilih Pendekatan Pelajari Pelbagai Agama

Oleh

Zalman Putra Ahmad Ali

**M**akalah “Menyusuri Jejak Langkah Maulana Abdul Aleem” tulisan Encik Mohd Raman Daud (*Berita Harian*, 27 Disember 2007) telah mengulas seruan Dr Syed Farid Alatas agar asatizah dan ulama setempat belajar mengenai agama-agama lain, terutama agama Kristian. Saya amat bersetuju dengan saranan Encik Mohd Raman agar kita mencontohi usaha dialog antara agama oleh Maulana Abdul Aleem Siddique.

Namun, saya kurang bersetuju pada satu aspek pandangan Encik Mohd Raman agar Singapura memanfaatkan pusat dakwah yang ditubuhkan Allahyarham Sheikh Ahmed Deedat. Memang tidak dinafikan Allahyarham Sheikh Ahmed Deedat telah banyak menyumbang kepada pengembangan Islam berdasarkan penulisan, ceramah serta pusat-pusat kefahaman Islam yang telah dihasilkan beliau serta para pengikutnya. Semoga Allah swt memberkati segala usahanya.

Begitupun, dari sudut dialog antara agama (khususnya agama Kristian), pendekatan beliau tidak sesuai dalam membina jalinan baik antara kaum. Malah, ia boleh melebarkan lagi jurang yang sedia ada.

Oleh itu, tujuan kita mempelajari agama Kristian bukanlah semata-mata untuk mencari kesilapannya (dari perspektif Islam) kerana perbezaan antara Islam dan Kristian dari sudut Tauhid sememangnya sudah jelas dan dimaklumi. Jadi, polemik tentang aspek ini tidak seharusnya diperpanjangkan. Persoalan tentang ‘siapa yang lebih benar’ tidak akan membantu dalam memajukan usaha dialog dan kefahaman.

Hakikatnya, Allah telah mewujudkan perbezaan dalam kalangan manusia agar kita mengenali dan memahami antara satu sama lain. Kita juga tidak boleh memaksa orang lain untuk mempercayai apa yang kita percaya. Dengan demikian, niat untuk mempelajari agama Kristian haruslah bersandarkan hasrat agar kita dapat membina dan bukan meruntuhkan jambatan persefahaman. Usaha untuk mempelajari agama lain bukanlah sesuatu yang ganjil dalam Islam malah seawal abad ke-12, tokoh-tokoh ilmuan Islam seperti Al-Shahrastani dan Fakhr Al-Din Al-Razi telah merintis usaha untuk mendalami budaya dan agama lain.

Secara ringkas, saya ingin mengetengahkan beberapa bidang tentang agama Kristian yang mungkin boleh didalami asatizah dan ulama setempat. Pertama-tama, agama Kristian boleh dipelajari dari sudut sejarah kerana sumbangannya dalam pengembangan pemikiran dunia moden. Peristiwa Reformasi Protestan pada kurun ke-16, adalah antara faktor yang telah mencetuskan kebebasan untuk berfikir melalui konsep '*priesthood of all believers*'. Gagasan ini telah membebaskan individu daripada kuasa gereja yang mengongkong. Dengan mendalami sejarah agama Kristian, asatizah dan ulama akan dapat menghayati bagaimana tercetusnya aliran pemikiran yang wujud pada zaman moden.

Perpecahan antara golongan Roman Katolik dan Protestan juga menggambarkan perbezaan yang wujud dalam pengamalan dan kepercayaan di kalangan penganut Kristian. Di samping pengembangan berbagai-bagi denominasi, amalan dan kepercayaan agama Kristian juga telah melalui perubahan akibat pengaruh budaya setempat.

Umpamanya, amalan dan kepercayaan penganut Kristian di Singapura mungkin berbeza dengan penganut Kristian di Timur Tengah kerana sejarah serta suasana sosioekonomi dan politik yang berbeza. Oleh itu, dengan mendalami kerencaman yang wujud dalam agama Kristian, para asatizah dan ulama akan dapat memahami bukan sahaja masyarakat Kristian malah menilai kerencaman yang wujud di kalangan umat Islam.

Kita juga harus sedar bahawa setiap penganut agama dipengaruhi oleh suasana semasa. Cara kita berfikir dan mentafsir teks atau doktrin agama banyak bergantung kepada aspek luaran di samping dalaman. Para ilmuan Kristian juga membentuk teologi berdasarkan berbagai-bagi metodologi yang mengambil kira teks serta konteks. Dalam hal ini, umumnya

asatizah dan ulama juga melalui proses yang serupa dalam mencari huraian untuk persoalan yang dihadapi umat Islam dewasa ini.

Dalam kalangan teologis Kristian abad ke-20, wujud juga perbezaan antara yang memberatkan teks dengan yang mengutamakan konteks. Umpamanya, antara Karl Barth yang memulakan pentafsiran berdasarkan apa yang dikatakan dalam Kitab Injil dan Paul Tillich yang menggunakan ilmu sains sosial moden untuk memahami keadaan konteks semasa.

Sememangnya, pendekatan teologi dalam Kristian amat berbeza dengan Islam. Namun, proses memahami konteks serta mengaitkan teks dan konteks merupakan sesuatu yang boleh dipelajari oleh asatizah dan ulama daripada pengalaman yang dilalui oleh para ilmuan Kristian.

Dengan kemunculan berbagai-bagai isu etika dan kemanusiaan yang kian genting seperti bioetika dan sains hayat, ekologi dan alam sekitar serta masalah jurang kemiskinan akibat globalisasi, para ilmuan Kristian sangat aktif dalam menilai semula teologi serta penafsiran doktrin agama Kristian.

Mereka juga giat mengetengahkan pandangan-pandangan dari perspektif Kristian dalam pelbagai wadah umum untuk meyakinkan bahawa agama boleh menyumbang kepada krisis yang dihadapi dunia moden. Wadah-wadah seperti ini merupakan satu aspek dialog antara agama yang wajar dimajukan oleh masyarakat Islam.

Melalui agenda bersama dalam menyampaikan pandangan sudut agama tentang krisis kemanusiaan, ia juga akan membantu dalam proses dialog dan menjalin hubungan antara kaum.

Dengan mendalami proses pemikiran para ilmuan Kristian akan melengkapkan asatizah dan ulama untuk memberi sumbangan yang substantif dalam perbincangan serta memantapkan jalinan. Melalui ruang perbincangan yang konstruktif, perbincangan akan lebih

tertumpu kepada permasalahan yang dihadapi seluruh umat manusia dan bukan kepada perbezaan doktrin agama yang tidak akan selesai hingga akhir zaman.

\*\*\*\*\*

[Artikel ini telah disiarkan di *Berita Harian*, 3 Januari 2008.]